



BAB 9: MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

9.1 KONFLIK ANTARABANGSA

9.1.1 Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia kedua (m/s 229)

1. Perang Dunia Pertama (1914-1918) (m/s 229)

a) Faktor-faktor berlakunya PDP

i) Berlaku disebabkan kemunculan nasionalisme di Eropah.

- ❖ Negara-negara kecil di Eropah bersatu membentuk sebuah negara bangsa lebih besar.
- ❖ Kuasa-kuasa besar ini berlumba-lumba untuk mendapatkan tanah jajahan.
- ❖ Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa besar ini sanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masing.

ii) Wujud pakatan negara-negara Eropah.

- ❖ iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- ❖ Pakatan Kuasa Tengah terdiri Jerman, Austria-Hungry dan Ital
- ❖ Pakatan Bertiga terdiri Britain , Perancis dan Rusia.
- ❖ Persaingan antara kedua-dua pakatan i mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada masa itu.

iii) Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi.

- ❖ bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan untuk mendapatkan bahan mentah
- ❖ dan untuk memasarkan barang keluaran mereka

iv) Faktor segera

- ❖ Archduke Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya dibunuh oleh pengganas Serbia.

b) Peristiwa Perang

- ❖ Austria yang mendapat sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia.
- ❖ Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan Perancis
- ❖ Serangan Jerman terhadap Perancis
- ❖ Jerman yang menyerang Perancis melalui negara berkecuali Belgium menimbulkan kemarahan Britain.
- ❖ Britain meminta bantuan Amerika Syarikat menentang Jerman.
- ❖ Jerman menyerang kapal dagang Amerika Syarikat menyebabkan Amerika turut terlibat dalam perang itu.

c) Kesan Perang:**a) Kesan Politik:**

- i) Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah
- ii) Termenterainya Perjanjian Versailles
- iii) Mengubah peta Eropah
- iv) Membentuk beberapa buah negara baru
- v) Pembentukan Liga Bangsa. Matlamatnya menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa dan menjamin keselamatan bersama. Liga ini gagal menjamin kesejahteraan dunia.

b) Kesan ekonomi:

- Negara-negara yang berperang mengalami inflasi
- Menanggung hutang peperangan yang tinggi kerana perbelanjaan perang yang besar.
- Diakhir perang Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125 bilion
- Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion
- membawa kepada masalah pengangguran
- Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun
- ia memberi kesan kepada negara Eropah terutama Britain
- Britain kehilangan 1/3 daripada perdagangan luarnya.

c) Kesan sosial:

- Kehilangan nyawa yang ramai

b) Perang Dunia Kedua (1939-1945) (m/s 231)**i) Faktor Politik:**

- Berlaku kerana kegagalan Perjanjian Versailles menyelesaikan masalah PD1.
- Ia juga terjadi kerana perubahan politik berlaku di Jerman, Soviet Union, Itali dan Jepun.

ii) Faktor Ekonomi:

- Dari segi ekonomi PD2 berlaku disebabkan kemelesetan ekonomi pada 1930-an.

iii) Kebangkitan Jerman:

- Perjanjian Versailles menimbulkan rasa tidak puas hati beberapa orang pemimpin negara, terutamanya Jerman kerana mereka kehilangan jajahan.
- Jerman juga dipaksa membayar pampasan perang yang tinggi
- Di arah mengurangkan saiz angkatan tenteranya.
- Adolf Hitler yang berjaya menguasai Jerman melalui partinya National Socialist.
- Hitler telah mengingkari Perjanjian Versailles apabila beliau membina sebuah angkatan tentera yang besar.

iv) Perkembangan di Rusia:

- Perang saudara telah berlaku.
- Pihak komunis berjaya mengalahkan pihak lawan yang dibantu oleh tentera USA, Britain, Perancis dan Jepun.
- Vladimir Lenin telah mengukuhkan ideologi komunis di Russia yang kemudiannya dikenali sebagai kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR).
- Apabila Lenin mati, ia digantikan oleh Joseph Stalin.

v) Itali

- Itali dengan pemimpin Benito Mussolini pula menjajah Ethiopia
- Itali menceroboh Perancis.

vi) Perkembangan di Jepun

- Jepun muncu sebagai kuasa yang ingin menguasai negara- negara di Timur .
- Berasa bertanggungjawab untuk membebaskan negara-negara ini daripada penjajahan Barat.

vii) Masalah di Amerika

- Kemelesetan ekonomi pula telah melanda USA dan seterusnya merebak ke seluruh dunia.
- USA tidak mampu lagi menyediakan pinjaman untuk Jerman dan ini menyebabkan Jerman tidak berupaya membayar hutang peperangan.
- Masalah ekonomi ini menyebabkan negara Eropah lain termasuk Britain, Perancis dan Itali mengurangkan peruntukan ketenteraan.
- Sebaliknya, Jerman bertindak mengukuhkan ketenteraannya.
- Jerman menjalankan perluasan kuasa bagi mengalihkan perhatian rakyatnya daripada masalah ekonomi. Perkara yang sama juga berlaku di Jepun.

b) Peristiwa Perang:

- PD2 meletus apabila Jerman menyerang Poland dari barat .
- USSR menyerang Poland dari timur.
- Serangan ini menyebabkan Britain dan Perancis mengisytiharkan perang terhadap Jerman.
- Jepun melancarkan serangan mengejut terhadap Pearl Harbour dan berjaya memusnahkan angkatan perang USA di Lautan Pasifik.
- Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu termasuk Singapura.
- Muncul pakatan yang berasingan:
 - i) Kuasa Bersekutu yang terdiri daripada USA, Britain, Perancis, Soviet Union
 - ii) Kuasa Paksi terdiri daripada Jerman, Itali dan Jepun.
- Pihak Jerman kalah di Eropah dan Presiden USA, Hanry Truman, mengarah bom atom yang pertama digugurkan di Hiroshima atas alasan ingin mengelak tempoh peperangan yang lama dan ramai kehilangan nyawa. Dua hari kemudian, bom kedua digugurkan di Nagasaki.

d) Kesan Perang:

- Memecahbelahkan negara-negara di Eropah.
- Meruntuhkan sistem imperialisme.
- Membentuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Menubuhkan negara-negara baru yang merdeka
- Berlaku Perang Dingin.
- Jerman terbahagi kepada dua iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur.
- Mengakibatkan jumlah korban nyawa yang tinggi
- Menimbulkan kesedaran tentang kedamaian dunia. Ini membawa kepada pembentukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menggantikan Liga Bangsa.

9.1.2 Kemunculan Blok Dunia Dan Perang Dingin (m/s 234)**a) Blok Dunia**

- ❖ Kebuntuan dalam rundingan penyelesaian Perang Dunia Kedua menimbulkan bibit perpecahan dan akhirnya muncul blok dunia dan Perang Dingin.
- ❖ Blok dunia merupakan Negara-negara yang sehaluan dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli.
- ❖ Tampil dalam pelbagai bentuk sama ada berdasarkan aspek politik, ekonomi, geografi.
- ❖ Terbentuk semasa Perang Dingin berasaskan geopolitik.

b) Blok Kapitalis

- ❖ Blok kapitalis merupakan negara demokratik.
- ❖ Kerajaannya dipilih melalui pilihan raya.
- ❖ Blok kapitalis memberi peluang perniagaan persendirian.
- ❖ Blok kapitalis juga memberi peluang pemilikan persendirian.
- ❖ Blok kapitalis menganjurkan kebebasan individu sepenuhnya.

c) Blok Komunis

- ❖ Blok komunis diperintah oleh diktator.
- ❖ Hanya Parti Komunis sahaja yang diiktiraf.
- ❖ Bagi blok komunis perniagaan dimiliki oleh kerajaan.
- ❖ Kerajaan komunis sahaja menguruskan perniagaan.
- ❖ Blok komunis melindungi dan mengawal kebebasan individu.

b) Perang Dingin

- ❖ Maksudnya tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung.
- ❖ Berlaku sejak tamat Perang Dunia Kedua sehingga tamatnya sistem Soviet Union hancur pada tahun 1989.
- ❖ Berlaku disebabkan:
 - i) perbezaan ideologi dan fahaman politik.
 - ii) Persaingan kuasa antara berlaku blok kapitalis diketuai oleh Amerika Syarikat dengan blok komunis diketuai oleh Soviet Union.
- ❖ Cara membuktikan blok membuktikan kekuatan:
 - i) bersaing membuktikan kekuatan.
 - ii) Bersaing untuk menyebarkan pengaruh.
 - iii) Memajukan kepentingan masing-masing di Eropah dan Asia
 - iv) Melalui propaganda, bantuan ekonomi dan bantuan ketenteraan
- ❖ Negara Dunia ketiga mengamalkan sikap berkecuali.
- ❖ Kedua-dua blok berusaha mempengaruhi pegangan Negara-negara Dunia Ketiga.
- ❖ Tawaran bantuan pertahanan dan ekonomi
- ❖ Negara Dunia Ketiga menjadi rebutan dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union yang kemudian disertai oleh China.

c) kesan daripada Perang Dingin

- ❖ Pembentukan blok dunia
- ❖ Terbahagi kepada blok kapitalis dan blok komunis
- ❖ Penubuhan NATO
- ❖ Penubuhan pakatan WARSAW
- ❖ Pembentukan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (SEATO)
- ❖ Berlaku perlumbaan senjata
- ❖ Negara Dunia Ketiga membina identiti sendiri

9.2 Peranan Dan Sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa (m/s 236)

a) Dasar luar Malaysia adalah berbaik-baik dengan semua negara.

b) Kepentingan dasar luar:

- Menjamin keselamatan rakyat dan Negara, memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatan.
- Menggalak pembangunan dan kemajuan ekonomi serta mengekalkan keamanan melalui kerjasam anatarabangsa.
- Untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia.

c) Bentuk Hubungan luar:

i) Hubungan **bilateral** merujuk kepada:

- hubungan secara telus dengan Negara-negara tertentu. Contohnya Malaysia mengutamakan hubungan dengan Negara- Negara jiran antaranya termasuklah Singapura,Indonesia.

ii) Hubungan **multilateral** pula merujuk kepada:

- hubungan dalam bentuk pertubuhan seperti ASEAN, Komanwel, OIC dan NAM.

9.2.1 Dasar-dasar Luar Malaysia (m/s 237)**a) Faktor-faktor penggubalan dasar luar (m/s 237 -238)****1) Faktor Sejarah**

- ❖ Hubungan dagang Kerajaan Melaka dengan China, Arab, Siam dan Kepulauan Melayu telah lama berlaku.
- ❖ Hubungan Melayu serumpun di Kepulauan Melayu sejak sekian lama seperti Indonesia, Brunei, Filipina.
- ❖ Penyertaan dalam Komanwel meneruskan hubungan dengan Britain, Australia dan New Zealand.
- ❖ Ancaman Komunis membentuk dasar luar yang pro-barat dan anti-komunis.
- ❖ Masih membentuk kepada kuasa Barat dari segi bantuan pertahanan.

2) Faktor Ekonomi.

- ❖ Malaysia mengamalkan pasaran bebas.
- ❖ Malaysia merupakan pengeluar bijih timah dan getah, maka hubungan dengan Britain dan USA berlaku kerana pasaran.
- ❖ Langkah menggalakkan pelaburan asing, contohnya Dasar Pandang Ke Timur, pelaburan asing digalakkan dari negara Timur khususnya Jepun dan Korea.
- ❖ Hubungan baik dengan negara-negara Islam bagi meningkatkan pasaran.

3) Faktor Politik.

- ❖ Malaysia Negara demokrasi menekankan pemeliharaan kedaulatan negara. Contohnya, dasar Malaysia yang menyokong Palestin.
- ❖ Malaysia tegas menyokong semua resolusi yang telah diambil oleh PBB bagi mencapai keamanan dunia.

4) Faktor Geografi.

- ❖ Malaysia bersempadan dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei.
- ❖ Perairannya kita menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia.
- ❖ Maka, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi keselamatan Malaysia.

5) Faktor Demografi.

- ❖ Hubungan diplomatik yang baik dengan Negara Islam kerana penduduk Malaysia yang majoriti beragama Islam.
- ❖ Tiada hubungan dengan Israel kerana dasar negara itu menceroboh dan menindas peribumi Palestin.
- ❖ Menentang keras Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.

b) Perkembanga Dasar Luar Malaysia (m/s 239)**i) Tahap Pertama (Tunku Abdul Rahman - 1957-1970)**

- ❖ Pro-Barat kerana :-
 - i) pergantungan Malaysia kepada Britain kerana Malaysia anggota blok sterling yang menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling.
 - ii) bijih timah dan getah masih mengharapkan permintaan Barat termasuk Britain, pelabur Britain pula masih menguasai ekonomi negara.
- ❖ Anti- Komunis
- ❖ Berbaik-baik dengan jiran kerana krisis seperti konfrontasi dengan Indonesia, terputusnya hubungan dengan Filipina dan keluarnya Singapura daripada Malaysia memerlukan usaha memelihara hubungan baik dengan Negara jiran.
- ❖ Berbaik dengan negara Komenvel. Ini adalah kerana ancaman komunis memaksa kita Pro-Barat untuk mendapat bantuan mereka. Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan dengan British.
- ❖ Malaysia cuba membuat hubungan perdagangan dengan negara seperti USA, Jepun, Singapura, Jerman Barat bagi mengurangkan pergantungan kepada Britain.

ii) Tahap Kedua (Tun Abdul Razak (1972-1976) dan Tun Hussein Onn(1976-1981)

- ❖ Dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara.
- ❖ Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya pengaruh Britain di Timur, pergolakan yang berlaku di Vietnam, dan pengenalan konsep ZOPFAN.
- ❖ Malaysia juga menjalin hubungan dengan Negara Komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara dan Mongolia.
- ❖ Hubungan dengan pula Vietnam bagi mengatasi masalah pelarian Vietnam.

ii) Tahap Ketiga (Dato Seri Dr.Mahathir Mohamad -1981-2003)

- ❖ Memberi penekanan kepada ekonomi.
- ❖ Hubungan yang erat dengan ASEAN bagi mengatasi krisis di IndoChina.
- ❖ Dasar Pandang ke Timur menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai model.
- ❖ Lawatan Dato' Seri Dr. Mahathir ke Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan menghasilkan perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua pihak.

9.2.2 Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa (m/s 242)



a) Komenwel.

- Anggotanya- negara bekas tanah jajahan Britain yang merdeka.
- Keanggotaan- 54 negara maju dan negara sedang membangun.
- Sekretariat- beribu pejabat di London.
- Matlamat- membina semangat setiakawan dan kerjasama dalam segala bidang.
- Perjanjian pertahanan- bantuan kepada Malaysia jika diancam musuh.
- Mesyuarat CHOGM – tempat pertemuan ketua-ketua kerajaan untuk membincangkan kepentingan bersama.
- CHOGM di Malaysia 1989- Deklarasi Langkawi berhubung mengatasi masalah pencemaran.
- Sumbangan Malaysia- menentang Dasar Aparteid dan menganjurkan Sukan Komanwel 1998.
- Faedah atas Malaysia- cukai eksport rendah khasnya Britain (dihakis selepas Britain menyertai Kesatuan Eropah).
- Rancangan Colombo- menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa.



b) Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

i) Latar Belakang:

- Ditubuhkan pada 1945, selepas PD2 apabila Liga Bangsa dibubarkan
- Ibu pejabat asalnya di San Francisco tetapi berpindah ke New York (1946).
- Dianggotai oleh 51 buah negara (pada awalnya) 189 buah negara (2002). Malaysia menjadi ahli PBB tahun 1957
- Negara anggota harus akur kepada Piagam PBB iaitu perjanjian antarabangsa yang menggalurkan prinsip-prinsip asas hubungan antarabangsa.

ii) Matlamat Piagam PBB

- i. Menjamin keamanan dunia.
- ii. Menggalakkan hubungan baik-baik negara anggota.
- iii. Bekerjasama menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi.
- iv. Menjadi pusat bagi mengharmonikan tindakan negara-negara anggota.

iii) Penglibatan Malaysia:

a) Potiliki:

- Menyertai pasukan pendamai untuk menamatkan perang saudara di Congo
- Mewakili pasukan pengaman ke Namibia dan ke Bosnia
- Menghantar pasukan pemerhati di sempadan Iran-Iraq dan Kampuchea
- menentang Dasar Aparteid, memerangi dadah, menjadi ahli majlis keselamatan PBB dan mendesak PBB menyelesaikan masalah Palestin
- Menyaran Benua Antartika menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik atau kuasa semua negara.

b) Ekonomi

- Menjadi ahli Bank Dunia yang bermatlamat membantu negara-negara ahli yang sedang membangun dari segi kewangan dalam menyusun semula dan membangun ekonominya.
- Faedah Bank Dunia kepada Malaysia dapat menjayakan rancangan felda dan membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan.

c) Sosial

- Memerangi penyalahgunaan dadah sehingga Perdana Menteri dilantik menjadi Yang Dipertua persidangan di Vienna 1987.
- Malaysia bekerjasama dan menyertai agensi di bawah PBB contohnya FAO, WHO dan UNESCO.
- Wakil Malaysia dilantik sebagai wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik poliki di Myanmar.
- Mendesak PBB menjalankan usaha menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

c) Pergerakan Negara- negara Berkecuali (NAM)**1. Latar belakang:**

- Ditubuhkan semasa kemuncak Perang Dingin.
- Ahlinya terdiri 113 negara membangun, 16 negara pemerhati dan 28 negara jemputan.

2. Matlamat utama adalah ;

- untuk mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok Barat atau blok Komunis.

3. Penyertaan Malaysia pada tahun 1970, setelah pertukaran dasar pro-Barat dan antikomunis kepada dasar berbaik-baik dengan semua negara.**4. Prinsip perjuangan-**

- i) mengelak campur tangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara,
- ii) menghormati kedaulatan sesebuah negara,
- iii) menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara negara melalui perundingan dan persefahaman
- iv) menghormati hak asasi manusia.

5. Penglibatan Malaysia:-

- i) Sidang Kemuncak Ke-7 (New Delhi) Malaysia membuat usul isu Palestin, kerjasama ekonomi dan isu Antartika.
- ii) Sidang Kemuncak Ke-8 di Harare- Malaysia mengemukakan cadangan menghapuskan dasar apartied.
- iii) Sidang Kemuncak di Belgrade- Malaysia di pilih sebagai Naib Presiden
- iv) Malaysia dilantik ahli Kumpulan 16 dan tuan rumah Persidangan ke-13 (Isu palestina, Isu Iraq dan menghidupkan kembali peranan NAM).
- v) Berjaya mendaftarkan dua negara anggota baru iaitu Timur Leste dan Pulau Catalina.
- vi) Pernyataan bersama dikeluarkan tentang kedudukan Palestin dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq



d) Negara-Negara Selatan.**1. Latarbelakang:**

- Dikenali sebagai Negara-negara Dunia Ketiga.
- Mempunyai banyak persamaan. Di antaranya:
 - i) latar belakang ekonomi
 - ii) pernah dijajah oleh kuasa barat
 - iii) Tidak mempunyai kepakaran dan modal untuk memproses bahan mentah.
- Negara maju mengenakan syarat perdagangan yang tidak adil seperti:-
 - i) kawalan terhadap harga bahan mentah
 - ii) penganan kadar faedah yang tinggi

2. Matlamat:-

- i) Mengatasi harga eksport bahan-bahan mentah
- ii) Meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara-negara anggota tanpa bergantung kepada negara maju.

3. Sumbangan Malaysia:

- i) Menubuhkan Suruhanjaya Selatan-selatan semasa sidang Kemuncak NAM di Zimbabwe tahun 1987.
- ii) Menubuhkan Kumpulan G 15
- iii) Mengadakan Sidang Kemuncak G15 di Kuala Lumpur
- iv) Penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan di Kuala Lumpur.
- v) Penubuhan Pusat pertukaran Data Pelaburan Perdagangan & Teknologi Selatan (SITTDEC)
- vi) Penubuhan GSTP dan penubuhan kemudahan kredit

f) Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC)**1. Latarbelakang**

- ❖ Ditubuhkan pada 1971.
- ❖ Idea penubuhan oleh TAR
- ❖ Beribu pejabat di Jeddah.
- ❖ Keahliannya terdiri dari 57 buah negara dan 3 buah negara lain sebagai pemerhati.
- ❖ TAR menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama

2. Matlamat:

- ❖ Mengeratkan hubungan sesama negara Islam
- ❖ Mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan
- ❖ Memastikan tempat-tempat suci Islam sentiasa dihormati dan tidak dicemari.

3. Sumbangan OIC kepada negara Islam:

- ❖ Menghantar pasukan perubatan ke Lubnan ,Bosnia dan Afghanistan
- ❖ Menyalurkan bantuan kewangan kepada negara-negara Islam kurang maju seperti Sudan.
- ❖ Menubuhkan Bank Pbgm Islam untuk memberi perkhidmatan kewangan

4. Sumbangan Malaysia dalam OIC:

- ❖ TAR dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama.
- ❖ Malaysia menjadi perantara dalam menyelesaikan Perang Iran-Iraq
- ❖ Malaysia memberi sokongan kepada rakyat Palestin untuk mendapat tanah mereka.
- ❖ Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada tahun 1974 dan 2001
- ❖ Malaysia menganjur Persidangan menentang pengganas.
- ❖ Malaysia memberi bantuan biasiswa kepada pelajar negara OIC
- ❖ Malaysia mengesyorkan penggunaan mata wang dinar emas dalam urusan perdagangan.

5. Faedah yang diterima oleh Malaysia:

- ❖ Pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.
- ❖ OIC memberi bantuan kepada Malaysia menubuhkan UIAM
- ❖ Mendapat penghormatan daripada negara anggota
- ❖ Mengesyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam.

9.2.3 Malaysia Dalam Pertubuhan Serantau (m/s 253)

a) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)

1. Latar belakang:

- ❖ Penubuhan ASA hasil cadangan Tunku Abdul Rahman. Ditubuhkan hasil mesyuarat 3 negara tersebut di Bangkok.

2. Faktor penubuhan:

- ❖ ancaman PKM di sempadan Malaysia- Thailand dan ancaman komunis di Filipina.

3. Matlamat penubuhan :

- ❖ Menjalinkan kerjasama ekonomi, sains dan sosial.
- ❖ Memberi dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.
- ❖ Menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara serantau.

4. Sebab-sebab kurang berjaya :

- ❖ ASA dianggap sebagai pertubuhan anti pemerintahan Presiden Soekarno di Indonesia
- ❖ Kesangsian timbul kerana perjanjian ketenteraan Malaysia dengan Britain , sementara Thailand dan Filipina pula dengan USA.
- ❖ Pertelingkan antara Malaysia dan Filipina berkaitan penubuhan Malaysia akhirnya membawa kepada pembubaran ASA.

b) MAPHILINDO

- ❖ MAPHILINDO adalah cantuman nama tiga negara (Malaysia, Filipina dan Indonesia).
- ❖ Tujuan-ditubuhkan untuk meningkatkan hubungan persahabatan serta menyelesaikan pertelingkahan Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia.
- ❖ Indonesia tidak bersetuju pembentukan Malaysia kerana mereka menganggap pembentukan Malaysia neokolonisme.
- ❖ Filipina pula menuntut Sabah yang didakwanya hak milik negara mereka.
- ❖ Malaysia mengadakan rundingan dengan Filipina dan Indonesia. Hasilnya penubuhan MAPHILINDO.
- ❖ Ketiga-tiga negara bersepakat memohon bantuan PBB untuk mendapatkan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah tentang penubuhan Malaysia.
- ❖ Indonesia dan Filipina kurang berpuas hati dengan siasatan PBB dan terus menentang Malaysia. Persengketaan yang berterusan ini menyebabkan MAPHILINDO tidak berperanan lagi.

c) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

1. Latarbelakang:

- ❖ Ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 hasil daripada termenterainya Deklarasi Bangkok.
- ❖ Antara negara anggota Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei

2. Logo

- ❖ Sepuluh tangkai padi mempamerkan impian pengasasan ASEAN iaitu 10 negara di Asia Tenggara.
- ❖ Diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan.
- ❖ Bulatan membayangkan semangat bersatu padu.
- ❖ Moto ASEAN:-

i) keamanan	iv) kedinamikan
ii) kestabilan	v) kesucian
iii) kegigihan	vi) kemakmuran



3. Matlamat:

- ❖ Mengekalkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara
- ❖ Bekerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan
- ❖ Meningkatkan taraf hidup penduduk.
- ❖ Mengadakan hubungan erat dengan persatuan atau pertubuhan sertantau dan antarabangsa

iv) Peranan dan Sumbangan Malaysia

a) Poltikik:

- ❖ Negara anggota menandatangani satu deklarasi bersama iaitu Deklarasi Kuala Lumpur bagi mengisytiharkan negara-negara ASEAN sebagai Zon aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur 1971.
- ❖ Tujuan ZOPFAN adalah:
 - i) untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau.
 - ii) tidak bersekongkol dengan mana-mana blok Barat atau Timur.
- ❖ Dalam mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN, telah memutuskan ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear. Ini menunjukkan rantau ini tidak akan membenarkan mana-mana kapal menggunakan perairan dan kemudahannya pelabuhan untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear.

ii) Ekonomi:

- ❖ Membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian seperti projek baja urea di Bintulu dan Aceh
- ❖ Mewujudkan kerjasama melalui Zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
- ❖ Mengemukakan idea memperluas skop kerjasama ekonomi dgn melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan
- ❖ Kerjasama melalui konsep ASEAN + 3 yang merujuk kepada kerjasama antara ASEAN dengan negara-negara Timur iaitu China, Jepun dan Korea.

iii) Sosial

- ❖ Kerjasama dalam bidang pendidikan melalui tertubuhnya SEAMEO
- ❖ Menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN
- ❖ Mengadakan festival kebudayaan dan kesenian.
- ❖ Pertukaran rancangan televisyen dan radio.
- ❖ Merapatkan hubungan antara negara melalui semangat kesukanan
- ❖ Mengadakan Tahun Melawat ASEAN bagi mewujudkan kerjasama dalam bidang pelancongan.

9.2.4 Cabaran Masa Depan (m/s 260)**a) Globalisasi.**

- ❖ Maksudnya :- “Perubahan dunia tanpa sempadan kerana kepeantasan dan kepantasan IT”.
- ❖ Segala aspek penting kehidupan seperti barangan, modal, tenaga manusia, kemahiran dan nilai menyeberangi sempadan dalam masa yang singkat.
- ❖ Perubahan ini semua kerana kemajuan teknologi khususnya ICT.
- ❖ Dua pandangan tentang globalisasi;
 - Berfaedah (kunci kepada pembangunan ekonomi dunia pada masa depan
 - Tidak berfaedah (meningkatkan jurang Bandar/ luar Bandar dan negara membangun/ maju, menyekat peluang pekerjaan, merendahkan taraf hidup dan menghindarkan perkembangan sosial).

b) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

- ❖ Maksud ICT: kaedah dan peralatan yang membolehkan proses komunikasi berlaku dengan pantas, mudah dan berkesan tanpa mengira sempadan. Seperti telefon mudah dan kos pengangkutan yang semakin murah.
- ❖ Faktor pemangkin adalah kerana terciptanya peralatan teknologi baharu seperti komputer, internet dan perkembangan teknologi telekomunikasi.
- ❖ Inovasi teknologi membawa perubahan dalam masa yang singkat.
- ❖ Berlaku dengan pantas, mudah dan berkesan tanpa mengira sempadan.
- ❖ Bagi menyahut cabaran ini Malaysia telah menyediakan prasarana ICT dan menjalankan promosi penggunaan ICT.
- ❖ Bagi memenuhi hasrat Wawasan 2020, projek MSC memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang, dan penyiaran digital

c) Koridor Raya Multimedia (MSC)

- ❖ Kerajaan Malaysia menggalakkan ICT kerana pelaksanaan k-ekonomi akan berjalan lancar dan seterusnya ekonomi negara membangun dan meletakkan Malaysia terbaik pada era globalisasi ini.
- ❖ MSC yang dilancarkan pada 27 Jun 1998, ialah kawasan yang mencakupi Kuala Lumpur City Center (KLCC) sehingga KLIA.
- ❖ MSC dibangunkan berperingkat dan akan mencakupi seluruh negara.
- ❖ Tujuan MSC untuk memanfaatkan IT dan multimedia global, seterusnya melahirkan masyarakat bermaklumat.

d) K-ekonomi

- ❖ K-ekonomi, ialah kemajuan berlandaskan pengetahuan merujuk kepada keupayaan seseorang menggunakan ilmu pengetahuan bagi mencipta satu nilai baru yang dapat membawa kemajuan.
- ❖ Sebelum ini, dunia mengukur kejayaan negara berdasarkan simpanan emas, tanah jajahan dan sumber semula jadi. Kemudiannya beralih kepada jumlah hasil barangan pertanian dan industri.
- ❖ Ciri-ciri k-ekonomi:-
 - i) bersaing dalam meningkatkan mutu pengeluaran dan perkhidmatan, teknologi dan industri berasaskan pengetahuan akan menjana keuntungan, kemajuan perniagaan, pekerjaan dan perkongsian pintar.
- ❖ Sumber paling berharga ialah modal intelek dan pekerja berpengalaman.
- ❖ Modal intelek boleh dihasilkan melalui kekayaan pengetahuan, dan semangat daya saing yang tinggi.
- ❖ Tenaga kerja berpendidikan amat diperlukan untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan.
- ❖ Inovasi merupakan kunci utama yang menentukan kejayaan k-ekonomi dan ini boleh dicapai melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- ❖ R&D akan menggalakkan penciptaan baru dan pendaftaran paten.

e) K-masyarakat

- ❖ K-masyarakat merujuk kepada masyarakat yang sentiasa membaiki dan memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan agar terus dapat bersaing.
- ❖ Ini selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.
- ❖ Prasarana untuk pertumbuhan k-masyarakat dibangunkan melalui bidang pendidikan.
- ❖ Usaha yang dijalankan bagi membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan:
 - i) Sekolah Wawasan bagi memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum yang berdaya saing.
 - ii) Sekolah Bestari pula dliengkapi dengan IT.
 - iii) Kurikulum turut diubahsuai agar dapat melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis, kritis dan analitis. Usaha ini diharapkan dapat melahirkan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi.
- ❖ Matlamat k-masyarakat dan k-ekonomi adalah selari dengan Wawasan 2020 yang berusaha mewujudkan Malaysia yang maju dan saintifik.